

**JAWATAN KOSONG  
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Terengganu yang berkelayakan sahaja bagi memohon jawatan berikut:-

**A. JAWATAN KOSONG**

1. **JAWATAN** : **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)**

Kod Skim : 3LN14  
Jabatan : Pelbagai Jabatan Kerajaan Negeri Terengganu  
Klasifikasi : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan  
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

2. **JADUAL GAJI** : Gred N19

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,352.00	RM4,003.00	RM100.00

3. **SYARAT LANTIKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (b) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,352.00); atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,408.40); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,464.80).

4. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

5. **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN :**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3 (b) di atas; atau
- (ii) lulus peperiksaan khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**B. TARAF JAWATAN :**

TETAP

**C. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN :**

Pegawai-pegawai yang dilantik adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

**D. PANDUAN PERMOHONAN ATAS TALIAN – ONLINE**

1. Pemohon hendaklah terdiri daripada Rakyat Negeri Terengganu yang mana pemohon atau bapa pemohon dilahirkan di Negeri Terengganu atau memiliki Sijil Kerakyatan Negeri Terengganu.
2. Pemohon yang ingin mengisi borang **SPNTRe** ini hendaklah terdiri daripada mereka yang benar-benar ingin mengisi kekosongan jawatan di Perkhidmatan Kerajaan Negeri Terengganu.
3. Pemohon dikehendaki mengisi semua **MAKLUMAT** yang di perlukan dengan **BETUL, LENGKAP** dan **TEPAT**. Kesilapan mengisi borang adalah tanggungjawab pemohon dan **BOLEH MENYEBABKAN PERMOHONAN TIDAK DI PERTIMBANGKAN**.
4. Pemohonan atas Talian boleh dicapai melalui alamat berikut <http://spn.terengganu.gov.my>

### **Keterangan Am**

1. Pemohon boleh memohon sehingga lima (5) jawatan sahaja. Pemohon yang memenuhi syarat kelayakan serta melepasi tapisan yang ditetapkan akan dipanggil temu duga.
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam negeri, perkhidmatan awam persekutuan, perkhidmatan kerajaan tempatan, perkhidmatan badan berkanun dan perkhidmatan polis/tentera samada secara tetap, kontrak atau sementara hendaklah mengisi alamat tempat bertugas di ruangan alamat (surat menyurat) dan juga mengembalikan **borang pengesahan ketua jabatan pada atau sebelum tarikh tutup iklan jawatan.**

### **E. TARIKH TUTUP :**

**25 APRIL 2017 (SELASA)**

### **MAKLUMAN :-**

1. Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temu duga.
2. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh akhir temu duga hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

**Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri,  
Terengganu.**

Bertarikh : 10 April 2017  
Bersamaan : 13 Rejab 1438H